



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERLANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 2

1. **Adakah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan semasa perlanjutan tempoh PKP?**

Ya. Guru melaksanakan PdP dari rumah mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2. **Bilakah Permohonan Tahun 1 dan Prasekolah boleh dibuat?**

Permohonan dalam talian telah dibuka bermula 1 Mac 2020 dan berakhir pada 30 April 2020. Permohonan secara manual di sekolah bermula pada 1 Mac 2020 sehingga 31 Mei 2020. Pengesahan yang perlu dibuat di sekolah boleh dilakukan selepas tamat tempoh PKP.

3. **Bagaimana dengan pelajar yang ingin menghantar permohonan peperiksaan SPM Ulangan?**

Dokumen boleh diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mulai **15 April 2020** sehingga **30 April 2020**.

4. **Adakah pengawal keselamatan perlu bertugas di sekolah/Kolej Matrikulasi (KM)/Institut Pendidikan Guru (IPG)?**

Ya, kecuali tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.

5. **a. Adakah pekerja kontrak perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) perlu bertugas di sekolah?**

Pekerja kontrak perkhidmatan KBK perlu hadir bertugas dua hari sebelum sekolah dibuka, tertakluk kepada tarikh akhir PKP.

- b. Adakah pekerja kontrak perkhidmatan KBK perlu bertugas di KM dan IPG?**

Ya, sekiranya masih ada pelajar dan warga kampus. Jika tiada pelajar dan warga kampus, pekerja kontrak perkhidmatan KBK perlu hadir bertugas dua hari sebelum KM/IPG dibuka, tertakluk kepada tarikh akhir PKP.

6. **Adakah pembayaran bagi kontrak perkhidmatan KBK akan dilaksanakan?**

Kerajaan bersetuju untuk membayar gaji pekerja kontrak perkhidmatan KBK yang ditanggung oleh kontraktor sepanjang tempoh PKP walaupun pekerja tidak hadir bekerja.

7. **Adakah pembayaran bagi kontrak perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak (BMB) akan dilaksanakan?**

Kerajaan bersetuju untuk membayar gaji pekerja kontrak perkhidmatan BMB yang ditanggung oleh kontraktor sepanjang tempoh PKP walaupun pekerja tidak hadir bekerja.

8. **Adakah kerja-kerja penyelenggaraan boleh dilaksanakan?**

Berdasarkan FAQ Kementerian Kerja Raya bertarikh 18 Mac 2020, semua kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan perlu diberhentikan kecuali bagi kerja-kerja kritikal seperti:

- a) Pembaikan Cerun;
- b) Pemeriksaan berkala lif dan peralatan mekanikal dan elektrik lain yang kritikal dan rosak;
- c) Pembaikan lif dan peralatan mekanikal dan elektrik lain yang kritikal dan rosak; dan
- d) Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.

9. **Adakah pengusaha kantin sekolah diberikan pengecualian sewa kantin sepanjang tempoh PKP?**

Ya. Selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi oleh kerajaan, pengecualian sewa kantin akan diberikan selama 6 bulan.

10. **Adakah pendaftaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 pada 23 Mac 2020 akan diteruskan?**

Tidak. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 perlu melaporkan diri pada satu tarikh yang akan dimaklumkan oleh KPM kelak, tertakluk kepada tarikh akhir PKP.

11. **Adakah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara lantikan kontrak bagi fasa satu tahun 2020 (Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)) perlu melaporkan diri pada 6 April 2020?**

Tidak. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara lantikan kontrak bagi fasa satu tahun 2020 (SK dan SJKC) perlu melaporkan diri pada satu tarikh yang akan dimaklumkan oleh KPM kelak, tertakluk kepada tarikh akhir PKP.

12. **Bagaimana dengan guru dan warga KPM yang tamat cuti belajar, cuti tanpa gaji, cuti bersalin atau cuti-cuti lain yang telah diluluskan oleh ketua jabatan asal sebelum 14 April 2020?**

Guru-guru dan warga KPM yang telah tamat cuti belajar boleh melapor diri di Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, manakala yang telah tamat cuti tanpa gaji di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan yang telah tamat cuti bersalin di jabatan/bahagian asal pegawai. Laporan diri boleh dibuat melalui pemakluman emel sahaja pada hari pertama guru dan warga KPM kembali bertugas.

13. **Bilakah guru yang pulang ke Semenanjung dapat pulang ke Sabah / Sarawak / WP Labuan atau sebaliknya?**

Selepas tamat tempoh PKP.

14. **Adakah guru yang bercuti di Semenanjung perlu mengambil cuti rehat khas untuk pulang ke Sabah/ Sarawak/ Labuan atau sebaliknya?**

Tidak perlu, jika dalam tempoh satu hingga empat hari dari tarikh tamat PKP.

15. **Apabila mereka balik selepas PKP, adakah mereka perlu kuarantin secara sukarela (*self quarantine*) selama 14 hari?**

Tidak perlu kecuali bagi kemasukan ke negeri Sarawak.

16. **Bagaimana dengan pelepasan tugas dan perintah PKP dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Awam dari 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020 untuk bertugas secara sukarela dalam organisasi beruniform seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) atau Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)?**

Boleh, dengan kebenaran Ketua Jabatan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara semasa menjalankan tugas.

17. **Bilakah keputusan tawaran ke Tingkatan Enam Semester 1 tahun 2020 bagi STPM Kohort 2021 boleh diketahui umum?**

Keputusan Tawaran Kemasukan ke Tingkatan Enam boleh disemak mulai **13 Mei 2020** melalui portal KPM (<http://www.moe.gov.my>).

18. **Bilakah permohonan ke Tingkatan Enam SBP (KISAS dan SMAP Labu) boleh dibuat?**

Permohonan boleh dibuat dan dihantar ke Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh mulai **15 April 2020** sehingga **30 April 2020**.

19. **Bilakah tarikh pendaftaran kemasukan ke Tingkatan Enam?**

Tarikh pendaftaran kemasukan ke Tingkatan Enam adalah pada **9 Jun 2020**.

20. **Sekiranya saya tidak ditawarkan pengajian ke Tingkatan Enam, bagaimanakah saya boleh merayu untuk menyambung pengajian ke Tingkatan Enam?**

Bagi calon SPM tahun 2019, rayuan boleh dibuat secara dalam talian mulai **13 Mei 2020** sehingga **27 Mei 2020**. Manakala bagi calon SPM untuk tahun sebelumnya, borang rayuan boleh dimuat turun daripada portal KPM (<http://www.moe.gov.my/>). Borang yang telah lengkap perlu diemelkan kepada JPN sebelum tarikh tutup rayuan.

21. **Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam?**

Maklumat berkaitan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam boleh diperolehi daripada PPD atau JPN yang berhampiran selepas tempoh PKP tamat.

22. **Sekiranya saya ditawarkan pengajian ke Tingkatan Enam, bolehkah saya menanggung untuk melapor diri?**

Tidak. Calon dianggap menolak tawaran ke Tingkatan Enam sekiranya tidak melapor diri pada tarikh yang telah ditetapkan.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
29 MAC 2020**